

712 penuntut baru pasca- siswazah UMS daftar hari ini, esok

D&E 23/09/2011 6
KOTA KINABALU: Seramai 712 penuntut baharu pasca-siswazah bagi sesi kemasukan semester 1 2011/2012 akan mendaftar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada hari ini dan esok.

Pendaftaran akan bermula pukul 9 hingga 4 petang di Auditorium Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS.

Daripada jumlah ini, 37 calon merupakan pelajar antarabangsa yang datang dari Mexico, Libya, Iran, Columbia, Bangladesh, India, China, Afghanistan, Pakistan dan Indonesia.

Pelajar Indonesia merupakan pelajar antarabangsa yang teramai dengan 14 orang, diikuti China seramai 11 orang, manakala selebihnya adalah pelajar dari negara lain.

Kesemua pelajar baharu pascasiswazah ini akan mengikuti program yang ditawarkan dalam Sarjana Secara Kerja Kursus (407 calon), Sarjana Secara Penyelidikan (178 calon), Sarjana Falsafah (6 calon), Doktor Falsafah (96 calon) dan Sarjana Psikologi Dalam Penyalahgunaan Dadah (25 calon).